



Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)

Volume 6, Issue 10, October 2021

e-ISSN : 2504-8562

Journal home page:
www.msocsciences.com

Penggunaan Kaedah Permainan, Buku Nombor dan Lembaran Kerja dalam Pembelajaran Matematik Awal Kanak-kanak

Connie Cassy Ompok¹

¹Faculty of Psychology and Education, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia

Correspondence: Connie Cassy Ompok (connieompok@ums.edu.my)

Abstrak

Menyediakan kanak-kanak untuk pendidikan matematik awal adalah penting. Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti tahap pencapaian matematik awal, mengenal pasti dan membandingkan kesan tiga kaedah mengajar (permainan, buku nombor dan lembaran kerja) terhadap pencapaian matematik awal dalam kalangan kanak-kanak prasekolah di daerah Tuaran, Sabah. Instrumen yang digunakan dalam kajian ini adalah Ujian Pencapaian Matematik Awal (UPMA) yang telah diadaptasi daripada Ginsburg dan Baroody (2003) mengikut Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan. Seramai 1108 orang kanak-kanak prasekolah kebangsaan di daerah Tuaran, Sabah terlibat dalam kajian yang menggunakan kaedah kuasi eksperimen multi lokasi. Responden kajian terdiri daripada kanak-kanak prasekolah yang berumur 4+ dan 5+. 382 orang kanak-kanak mengikuti kaedah permainan, 349 orang kanak-kanak mengikuti kaedah buku nombor dan 377 orang kanak-kanak mengikuti kaedah lembaran kerja. Kanak-kanak prasekolah menduduki ujian pra, seterusnya adalah program intervensi selama 13 minggu dan diakhiri dengan ujian pasca. Statistik deskriptif dan statistik inferen (ujian-t bebas, *ANOVA* satu hala dan *ANCOVA*) menggunakan *SPSS* versi-21 dengan mengambil kira markah ujian pra sebagai kovariat digunakan dalam kajian ini. Dapatan kajian menunjukkan terdapat perbezaan min markah yang signifikan dalam pencapaian matematik awal mengikut kaedah mengajar yang berbeza. Kaedah permainan menyumbang secara signifikan terhadap pencapaian matematik awal berbanding dengan kaedah buku nombor dan lembaran kerja.

Kata kunci: permainan, buku nombor, lembaran kerja, kanak-kanak, matematik awal

The Use of Games, Number Books and Worksheet in Children Learning Early Mathematics

Abstract

Preparing young children for Mathematics education is garnering much attention in the field of early childhood education. Factors have been examined in efforts to determine the effect on early Mathematics achievement. The purpose of this study was to identify the level of early Mathematics performance among national preschool children in Tuaran district, to identify and compare the effect of three teaching methods (games, number books and worksheets) towards early Mathematics achievement of preschool children. The instrument used in this research was the "Ujian Pencapaian Matematik Awal" (UPMA) which was adapted from Ginsburg and Baroody (2003) based on the National Standard Preschool Curriculum Malaysia 2010. This study was based on quantitative design that employed multi-site quasi-experiment consisting of 1108 preschool children aged 4+ and 5+. 382 children participated in games, 349 children in number books and 377 children in worksheets method

respectively. The preschool children sat for pre-test, followed by 13 weeks of intervention program and ended with post-test. Descriptive statistics and inferential statistics (independent t-test, one-way ANOVA and two-way ANOVA repeated measure) with SPSS ver-21 by considering marks of pre-test as covariate were used. The findings showed that the level of the preschoolers' early Mathematics performance was average. Results also revealed that there was a significant difference in early Mathematics achievement due to different teaching methods. The use of games method contributed significantly to preschoolers' performance in early Mathematics compared to number books and worksheets methods.

Keywords: games, number books, worksheet, children, early mathematics

Pengelasan

Guru dan penyelidik perlu meningkatkan pengajaran Matematik yang berkualiti tinggi dengan memberi peluang kepada kanak-kanak menceburi bidang STEM (Lubinski, 2010). Perkara ini disebabkan, kanak-kanak cenderung terlepas peluang untuk mempelajari kemahiran penting kerana pengetahuan asas yang lemah (Jordan, Kaplan, Ramineni & Locuniak, 2009). Masyarakat juga perlu menyediakan pengalaman pendidikan mata pelajaran Matematik kanak-kanak untuk keperluan masa hadapan mereka (Smith, 2006). Selaras dengan kenyataan Lubinski (2010), Jordan et al. (2009) dan Smith (2006), program intervensi diperlukan untuk kanak-kanak. Sokongan ini adalah untuk mengelak daripada kegagalan yang berulang (Jordan et al., 2009). Antara contoh program intervensi yang dijalankan di luar negara adalah Building Blocks (Clements et al., 2011), Big Math for Little Kids (Greenes et al., 2004) dan Count Me In Too Indigenous (Report on the Count Me In Too Indigenous Project, 2002). Program intervensi mata pelajaran Matematik berpotensi meningkatkan pencapaian kanak-kanak tetapi program seperti ini belum banyak dijalankan untuk kanak-kanak di dalam negara.

Pemikiran Matematik menyumbang kepada kebolehan kanak-kanak untuk mengira, berkomunikasi dan berfikir secara praktikal tentang dunia dalam bidang Sains dan Teknologi (Pound, 2008). Menurut Ginsburg (1975), pengetahuan tidak formal berkembang semasa kanak-kanak meneroka persekitaran semulajadi dan kebolehan mereka ditingkatkan melalui pengajaran dan pembelajaran (Ramani & Siegler, 2008; Baroody, Eiland & Thompson, 2009). Peluang pengajaran dan pembelajaran dalam mata pelajaran Matematik adalah penting disebabkan kebolehan sedia ada kanak-kanak yang sedang berkembang. Kesedaran tentang keperluan ini menjadikan pendidikan mata pelajaran Matematik menjadi keutamaan negara (Hachey, 2013).

Latar Belakang Kajian

Masalah pencapaian yang rendah dalam mata pelajaran Matematik disumbangkan oleh beberapa isu seperti kurang perhatian dalam pengajaran dan pembelajaran, kanak-kanak tidak mempunyai peluang untuk membina kefahaman Matematik (Chard et al., 2008). Kajian Lee dan Ginsburg (2009) pula mendapati bahawa guru di Amerika Syarikat masih menganggap kanak-kanak tidak bersedia untuk belajar mata pelajaran Matematik. Malah, Clements dan Sarama (2011) menyatakan guru pendidikan awal kanak-kanak tidak memfokuskan kepada pengajaran mata pelajaran Matematik sebaliknya disepadukan dalam aktiviti lain seperti motor halus dan membaca. Pada pandangan penyelidik, persepsi sedemikian turut berlaku dalam senario pendidikan matematik awal di negara ini. Mata pelajaran Matematik penting dalam melakar sebuah kejayaan. Pendidikan awal kanak-kanak diperlukan untuk perkembangan kemahiran Matematik pada masa hadapan (Linder, Powers-Costello & Stegeline, 2011; Hunting, Mousley & Perry, 2012). Pendidikan awal adalah penting sebagai pelaburan dalam modal insan (Arteaga et al., 2014).

Kajian Hewitt (1994) ada membincangkan tentang pendidikan prasekolah di Malaysia kira-kira 25 tahun yang lalu. Beliau mendapati bahawa guru besar dan guru-guru memfokuskan kepada kemahiran 3M, guru besar menyatakan bahawa kurikulum yang berasaskan kepada bermain dilihat sebagai kurang

digemari oleh kebanyakan ibu bapa di Malaysia dan keadaan sedemikian memberikan tekanan kepada guru untuk menyediakan program akademik yang formal. Selain itu, dapatan Hewitt dan Maloney (2000) di Malaysia dalam pendidikan prasekolah menunjukkan walaupun ibu bapa percaya bahawa bermain adalah penting, tetapi ianya adalah sekadar untuk mengisi waktu transisi untuk pembelajaran formal.

Walaupun jumlah wang yang banyak telah dilaburkan untuk memajukan pendidikan di Malaysia, prestasi pelajar dalam mata pelajaran Matematik telah menunjukkan kemerosotan. Penilaian TIMSS yang dilaporkan oleh Mullis, Martin, Foy dan Arora (2012) menunjukkan pencapaian mata pelajaran Matematik pelajar Malaysia menurun dari skor min purata 500 mata pada tahun 1999 dan 2003 kepada 440 mata pada tahun 2011. Dalam penilaian antarabangsa PISA yang dijalankan oleh OECD, dianggarkan hanya 56% daripada pelajar berumur 15 tahun mencapai penguasaan tahap minimum dalam membaca manakala hanya 41% dan 57% masing-masing dalam penguasaan peringkat asas mata pelajaran Matematik dan Sains (Walker, 2011). Laporan Mullis et al. (2012) dan Walker (2011) menunjukkan Malaysia perlu meningkatkan pencapaian mata pelajaran Matematik.

Menurut Gifford (2004) dan Fischetti (2013), ramai kanak-kanak melalui pengalaman sukar dalam matematik awal disebabkan kaedah mengajar untuk membantu kanak-kanak belajar tidak diketahui dengan jelas. Ini selaras dengan sangat sedikit kajian yang dijalankan tentang cara yang efektif dalam pengajaran mata pelajaran Matematik (Rohaty, 2012; Gifford, 2004) sedangkan kanak-kanak dilahirkan sebagai pemikir Matematik (Baroody, 1987; Geist, 2009; Wynn, 1992; Palmer & Baroody, 2011; Starkey et al., 1990). Smith (2006) menyatakan mata pelajaran Matematik sukar dipelajari tetapi pendekatan pengajaran yang berpotensi diperlukan untuk membaiki pencapaian semua kanak-kanak di peringkat awal (Clarke, Baker & Chard, 2007; Doabler et al., 2011). Mencari kaedah terbaik untuk mengajar Matematik merupakan cabaran dalam pendidikan mata pelajaran Matematik (Nafisah & Zulkarnain, 2012). Kajian ini menggunakan kaedah permainan, buku nombor dan lembaran kerja yang dibina oleh penyelidik untuk mengenal pasti kesannya terhadap pencapaian matematik awal. Kaedah permainan dipilih kerana kepentingan belajar melalui bermain (KPM, 1999, 2003, 2010;2017).

Objektif Kajian

Kajian ini ialah Penggunaan kaedah permainan, buku nombor dan lembaran kerja dalam pembelajaran matematik awal dalam kalangan kanak-kanak prasekolah kebangsaan di daerah Tuaran, Sabah. Ia dikaji melalui objektif berikut:

- i. Mengetahui tahap pencapaian matematik awal selepas intervensi dalam kalangan kanak-kanak prasekolah kebangsaan di daerah Tuaran, Sabah.
- ii. Mengetahui dan membandingkan perbezaan pencapaian Matematik awal antara kanak-kanak prasekolah yang mengikuti kaedah permainan, buku nombor dan lembaran kerja.
- iii. Mengetahui dan membandingkan perbezaan min markah pencapaian matematik awal antara kanak-kanak prasekolah yang mengikuti kaedah permainan, buku nombor dan lembaran kerja dengan mengawal markah Matematik sebelum intervensi.

Soalan Kajian

Selaras dengan objektif kajian yang telah dinyatakan, soalan-soalan kajian dinyatakan seperti berikut:

- i. Adakah tahap pencapaian matematik awal dalam kalangan kanak-kanak prasekolah kebangsaan di daerah Tuaran, Sabah, selepas program intervensi dijalankan?
- ii. Adakah terdapat perbezaan dalam pencapaian matematik awal antara kanak-kanak prasekolah yang mengikuti kaedah permainan, buku nombor
- iii. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan pada min markah pencapaian matematik awal antara kanak-kanak prasekolah yang mengikuti kaedah permainan, buku nombor dan lembaran kerja dengan mengawal markah Matematik sebelum intervensi?

Hipotesis Kajian

H₀1 Tidak terdapat perbezaan dalam pencapaian matematik awal antara kanak-kanak prasekolah yang mengikuti kaedah permainan, buku nombor dan lembaran kerja.

H₀2 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan pada min markah pencapaian matematik awal antara kanak-kanak prasekolah yang mengikuti kaedah permainan, buku nombor dan lembaran kerja dengan mengawal markah Matematik sebelum intervensi

Sorotan Kajian

Teori Berkaitan Pemikiran Matematik

Pembelajaran nombor bermula dari operasi pengiraan yang paling asas (Chin, 2013). Fokus pada peringkat ini bermula dengan kemahiran mengenal, membilang dan mengira angka-angka pada kuantiti yang lebih kecil (Griffin, Case & Siegler, 1994). Baroody (1987) menyatakan bahawa pembelajaran matematik awal dalam kalangan kanak-kanak berdasarkan kepada konsep perkembangan beransur-ansur yang melibatkan sesuatu penemuan dan pembinaan makna yang lebih mendalam tentang angka dan konsep-konsep pengiraan. Penguasaan pengiraan asas membolehkan kanak-kanak menggunakan nombor dengan bebas bagi tujuan operasi berbeza (seperti operasi bahagi dan darab) tanpa perlu untuk sentiasa membuat penghitungan (Chin, 2013). Kanak-kanak mula mengembangkan kemampuan penaaakulan sebelum mereka memulakan persekolahan formal (Doig & Ompok 2010).

Kaedah Mengajar

Kurikulum pendidikan awal kanak-kanak mengutamakan Permainan sebagai asas dalam pembelajaran seseorang. Sandberg dan Vuorinen (2008:136) menyatakan bermain sebagai aktiviti terpenting dan permainan yang melibatkan pembinaan, peranan bermain dan pergerakan seharusnya dititikberatkan dalam pembelajaran kanak-kanak. Permainan mempunyai potensi memberi motivasi dan berlaku dalam konteks sosial yang bermakna (Ainley, 1990). Penulisan tentang buku bergambar memfokuskan kepada cerita dan ilustrasi gambar. Loughrey (2001) menyatakan guru perlu menggunakan buku besar sebagai satu kaedah mengajar yang berpotensi untuk membantu kanak-kanak belajar. Guru perlu berhati-hati ketika memilih buku banyak buku tidak sesuai dan berkemungkinan buku-buku tersebut tidak dibacakan kepada kanak-kanak (Manning & Kirkland, 2012). Sperling dan Head (2002) mencadangkan agar guru membacakan buku setiap hari iaitu lima kali seminggu kepada kanak-kanak. Beberapa penyelidik seperti Ramson dan Manning (2013), Grossman (1996), Clements (2001), Kohn (2011), Burts et al. (1992), Kamii dan Rummelsburg (2008) dan Wien (2002) menyatakan bahawa Lembaran kerja tidak bersesuaian untuk kanak-kanak. Mereka berpendapat bahawa amat perlu untuk memberikan pengalaman pembelajaran yang menyeronokkan kepada kanak-kanak melalui suasana bermain. Kanak-kanak mempunyai kebolehan komunikasi dengan baik, mempunyai pemikiran yang kreatif, daya imaginasi dan juga mempunyai kebolehan untuk menyelesaikan masalah (Brock, Sylvia, Jarvis & Olusoga, 2009). Para pendidik perlu mengambil peluang mendidik kanak-kanak melalui kaedah yang dapat memaksimumkan sepenuhnya potensi mereka. Berbanding dengan penggunaan lembaran kerja, aktiviti bermain yang dilaksanakan dalam pembelajaran kanak-kanak adalah lebih baik (Kamii & Yasuhiko, 2006).

Ringkasnya, ramai penyelidik bersetuju bahawa penggunaan permainan dapat meningkatkan pencapaian mata pelajaran Matematik dalam kalangan kanak-kanak (Ompok, Ling, Abdullah, Tambagas, Tony & Said, 2020; Ompok & Bacotang, 2019; Ling, Pang, Ompok, 2018; Ompok, Mei Teng & Sapirai 2021; Ompok et al., 2018; Ompok, Doig & Tambagas 2019; Stannard et al., 2001; Ramani & Siegler, 2008; Peters, 1998; Luo et al., 2007; Wolfgang et al., 2003; Wilson et al., 2009; Siegler, 2009; Rizi et al., 2011; Ramani et al., 2012; Azila et al., 2011; Zakiah et al., 2013). Chen dan McNamee (2011) menyatakan bahawa permainan merupakan kaedah yang positif dalam meningkatkan pencapaian. Kanak-kanak yang diberi peluang bermain mempunyai tujuan yang jelas, menggunakan bahan untuk menyelesaikan masalah dan memerlukan tindakan untuk mencapai matlamat, memberi peluang kanak-

kanak menghubungkan bahan-bahan permainan dan menyediakan ruang kepada kanak-kanak berimajinasi (Ompok et al., 2020). Menurut kajian Thorell et al. (2009) yang menggunakan kesan latihan dan pemindahan fungsi eksekutif dalam kanak-kanak prasekolah, mereka mendapati bahawa bermain permainan yang berulang-ulang boleh meningkatkan ingatan kanak-kanak yang sedang bekerja.

Ringkasnya, kajian lepas memberi tumpuan kepada penggunaan buku kanak-kanak untuk mengajar Matematik namun belum banyak bukti empirikal dalam negara menggunakan kanak-kanak prasekolah sebagai responden. Lebih-lebih lagi, tidak terdapat kajian yang serupa dalam negara di peringkat yang sama. Daripada kajian empirikal terdahulu yang dijalankan oleh Jennings et al. (1992), Hong (1996), Tare et al. (2010) dan Casey et al. (2008), kaedah mengajar menggunakan buku nombor dijangka menunjukkan kesan yang signifikan terhadap pencapaian matematik awal.

Pencapaian Matematik Awal

Mengikut Mix et al. (2002), fasa pemikiran Matematik dibahagikan kepada tiga fasa yang merangkumi fasa pra pengiraan (*precounting phase*), fasa pengiraan (*counting phase*) dan fasa ketiga ialah simbol yang bertulis (*written number phase*). Menurut Ginsburg dan Baroody (2003), fasa pra pemikiran awal mulanya tidak menggunakan perkataan untuk berfikir tentang sesuatu himpunan dan bagaimana perubahan berlaku tetapi mereka mungkin menggunakan gambaran mental. Kanak-kanak boleh mengira himpunan objek dengan tepat, boleh membina kefahaman asas nombor dan operasi penambahan dan penolakan walaupun sebelum memasuki sekolah. Kanak-kanak dalam lingkungan tiga setengah tahun boleh mengingat dan menghasilkan semula himpunan objek dari satu hingga empat objek tanpa mengira. Pada usia tiga setengah hingga lima tahun, mereka boleh menunjukkan jumlah atau perbezaan apabila suatu bilangan item yang kecil ditambah atau ditolakan dari objek sebelumnya yang dilihat. Menurut mereka lagi, kanak-kanak boleh menyelesaikan masalah penambahan dan penolakan yang mudah secara lisan sebelum mereka berjaya melaksanakan masalah berbentuk cerita ataupun tugas berbentuk simbolik seperti $2 + 1 = ?$. Dalam fasa pengiraan, Mix et al. (2002) menyatakan bahawa kanak-kanak boleh menyatakan nombor secara lisan semasa mengira dalam perkataan (*counting words*). Apabila keupayaan Matematik kanak-kanak berkembang, mereka boleh menamakan koleksi nombor yang lebih besar daripada empat dan melakukan operasi terhadap nombor-nombor ini. Ginsburg dan Baroody (2003) menyatakan bahawa fasa nombor bertulis berkemungkinan dapat membantu kanak-kanak untuk berfikir dan mengoperasikan nombor yang lebih besar.

Gelman dan Gallistel (1978) berpendapat bahawa pemikiran kanak-kanak adalah konkrit dan abstrak. Bukan sahaja kanak-kanak boleh tambah tiga ekor anjing mainan dengan empat ekor anjing mainan untuk mendapatkan jumlah, mereka juga mempunyai idea yang abstrak dalam mengira termasuklah prinsip yang abstrak seperti peraturan mengira beberapa objek diskret. Mengikut Brush (1978), kanak-kanak memahami idea asas tentang penambahan dan penolakan sejak di awal usia lagi. Kajian yang dijalankan oleh Wynn (1992) telah membuktikan kebolehan itu.

Ginsburg dan Baroody (2003) menyatakan bahawa pengetahuan Matematik kanak-kanak boleh dikategorikan sebagai tidak formal atau formal. Matematik tidak formal mewakili pengertian dan tatacara yang diperoleh di luar konteks persekolahan. Matematik formal mewakili kemahiran aritmetik dan konsep yang dipelajari oleh kanak-kanak di sekolah. Bagi Ginsburg dan Baroody (2003), kanak-kanak sudah mempunyai konsep dan kemahiran yang tidak formal sebelum memasuki persekolahan. Situasi ini dipanggil sebagai tidak formal kerana mereka tidak belajar dalam konteks persekolahan yang formal. Kefahaman ini selalunya bersifat implisit. Seorang kanak-kanak berkemungkinan tidak berkebolehan untuk menerangkan mengapa dia menggunakan sesuatu strategi tidak formal atau mengapa jawapannya adalah munasabah. Konsep dan kemahiran ini diperoleh dalam pelbagai cara. Satu caranya ialah inisiatif oleh kanak-kanak itu sendiri atau interaksi dengan persekitaran mereka. Sebagai contoh, ibu memberitahu anak-anak bahawa setiap kumpulan yang mempunyai tiga orang kanak-kanak mestilah mempunyai jumlah gula-gula yang sama. Terdapat sebanyak sepuluh biji gula-gula yang harus dibahagikan kepada tiga orang kanak-kanak. Maka dalam aktiviti ini, kanak-kanak berpeluang untuk mempelajari konsep lebih, kurang atau sama banyak. Mereka juga akan mengambil inisiatif mengira himpunan untuk menghasilkan jumlah gula-gula yang sama dengan melibatkan aktiviti menambah atau menolak dengan menggunakan kemahiran yang tidak formal.

Dalam pengetahuan Matematik formal, Ginsburg dan Baroody (2003) menyatakan kanak-kanak diajar dengan nombor dan kemahiran aritmetik, termasuk simbol bertulis. Sebagai contoh, nombor 7 mewakili nombor, dan tanda + atau - mewakili operasi terhadap sesuatu nombor. Kanak-kanak mencuba untuk menguasai fakta nombor contohnya $7 + 3 = 10$.

Berbanding dengan pengetahuan yang tidak formal, Ginsburg dan Baroody (2003) menyatakan pengetahuan konsep formal memerlukan kefahaman yang eksplisit iaitu kanak-kanak seharusnya dapat menerangkan secara rasional tatacara dan memberikan justifikasi terhadap sesuatu jawapan. Kunci asas dalam mentaksir pengetahuan formal adalah mengenal pasti sama ada kanak-kanak boleh menerangkan dan memberikan justifikasi tatacara secara eksplisit. Kebanyakan kanak-kanak terlepas peluang belajar tentang pengetahuan Matematik di luar konteks persekolahan kerana persekitaran yang kurang menyokong.

Kesan Penggunaan Kaedah Lembaran Kerja Terhadap Pencapaian Matematik Awal Kanak-kanak

Beberapa penyelidik pernah membincangkan tentang faktor yang mempengaruhi pencapaian. Dalam kajian yang dijalankan oleh Miller (1999) misalnya, beliau mendapati guru tertekan untuk mengajar secara formal berbanding main kerana nisbah guru dan murid yang besar (1:20 ataupun 1:40) serta tekanan dari ibu bapa dan keperluan menyediakan kanak-kanak mengikut kurikulum kebangsaan. Dapatan kajian Miller juga selaras dengan dapatan kajian terdahulu yang dijalankan oleh Evans dan Ismail (1995) dan masalah kekurangan bahan turut dilaporkan dalam kajian Evans dan Ismail (1995). Ringkasnya, dapatan kajian Hewitt (1994), Hewitt dan Maloney (2000), Miller (1999) serta Evans dan Ismail (1995) mendapati guru prasekolah kurang melaksanakan kurikulum kebangsaan melalui main walaupun pendekatan pengajaran dan pembelajaran di Malaysia adalah berasaskan kepada belajar melalui bermain.

Fuchs dan Wößman (2007) ada mengkritik nisbah guru dan murid. Mereka menyatakan bahawa sumber yang terhad di negara membangun sering membawa kepada prestasi akademik yang kurang baik kerana sekolah-sekolah usang, kekurangan guru dan kelas yang sesak. Keadaan ini boleh diatasi dengan proses pengajaran yang berkesan, menambahkan peralatan dan saiz kelas yang lebih kecil. Masalah nisbah guru dan murid yang tinggi boleh diatasi dengan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan.

Tidak dapat disangkal lagi, kajian-kajian lepas telah membuktikan besarnya peranan pendidikan awal kanak-kanak. Sumbangan tokoh dalam bidang pendidikan awal telah mewarnai pengajaran dan pembelajaran dalam dunia kanak-kanak. Penyelidik lepas menekankan penggunaan permainan dalam membantu kanak-kanak meningkatkan pencapaian Matematik (Baroody, 1989; Baroody & Coslick 1998; Baroody & Wilkins, 1999; Piaget, 1962; Smilansky, 1968; Bragg, 2012; Sandberg & Vuorinen, 2008; Barnett, 2011), literasi yang disepadukan dengan Matematik membantu dalam meningkatkan pencapaian Matematik (Whitin & Wilde, 1992; McMath & King, 1993; Shatzer, 2008; Jennings et al., 1992). Penggunaan kaedah lembaran kerja dipercayai boleh meningkatkan pencapaian kanak-kanak berdasarkan Katz (1987) dan kenyataan-kenyataan oleh Ransom dan Manning (2013), dan Dewey (1990). Katz (2013) menyatakan penggunaan lembaran kerja boleh meningkatkan pencapaian dalam jangka masa pendek. Ransom dan Manning (2013) bersetuju bahawa penggunaan lembaran kerja adalah memenuhi kehendak ibu bapa yang percaya bahawa anak-anak mereka belajar sekiranya ada membawa pulang lembaran kerja. Menurut Dewey (1990), penglibatan ibu bapa menyumbang kepada kejayaan sekolah.

Metod Kajian

Reka Bentuk Kuasi Eksperimen

Dalam kajian ini, penyelidik tidak dapat menggunakan prosedur perawakan (*randomization*) sepenuhnya. Ini disebabkan kelas prasekolah wujud dalam keadaan sedia ada. Mengikut Crawl (1993),

kebanyakan penyelidikan dalam pendidikan tidak dapat memilih responden secara rawak untuk mengelakkan perubahan pada jadual waktu sekolah sedia ada dan mengubah kedudukan kanak-kanak dalam kelas. Oleh itu, reka bentuk kuasi eksperimen digunakan dalam keadaan pengagihan rawak tidak digunakan dalam proses pemilihan responden untuk penyelidikan (Noraini, 2013).

Populasi dan Responden Kajian

Dalam kajian ini, bilangan sampel yang mengikuti program intervensi ialah 1,108 orang. Pemilihan sampel minima berdasarkan kepada jadual Krejcie dan Morgan (1970) iaitu minimum 331 orang untuk setiap kaedah bagi populasi seramai 2500 orang. Mengikut Shaughnessy dan Zechneister (1990), kajian mempunyai kesahan luaran dalam reka bentuk kuasi eksperimen sekiranya dapatan boleh digeneralisasikan untuk satu populasi.

Program Intervensi

Sophian (2004) berpendirian bahawa adalah kritikal untuk mempertimbangkan bagaimana bahan pengajaran dipersembahkan kepada kanak-kanak kerana ianya memberi kesan kepada pembelajaran Matematik. Beberapa kajian rintis dilakukan dari semasa ke semasa bagi menguji kesesuaian ABM yang digunakan dalam kaedah mengajar iaitu permainan, buku nombor dan lembaran kerja. Bahan yang dipilih mengikut kaedah masing-masing adalah mengikut urutan yang terdapat dalam UPMA. Kemahiran matematik awal dalam Tunjang Sains dan Teknologi dalam KSPK menjadi rujukan dalam merancang aktiviti mengikut kaedah mengajar untuk kajian ini. Kaedah pengajaran dibina dengan ciri yang dapat membantu mewujudkan pengalaman belajar yang konstruktif. Setiap aktiviti pada hari tertentu disusun agar menggunakan standard kandungan dan menjawab soalan yang sama. Ini bermakna semua kaedah di tiga kumpulan menggunakan bahan mengikut kaedah masing-masing, mempunyai standard kandungan Matematik yang sama dan menjawab soalan yang sama. Walau bagaimanapun, terdapat perbezaan dalam ubahsuaian permainan, tajuk buku baharu ataupun soalan penutup dalam kaedah buku nombor dan arahan soalan kaedah lembaran kerja. Perkara ini adalah untuk memastikan ketiga-tiga kaedah mengajar menggunakan kata tugas yang lebih kurang sama dengan soalan UPMA. Pengulangan bahan dalam kaedah buku nombor berlaku tetapi soalan penutup pada sesi pengajaran dan pembelajaran berbeza mengikut soalan UPMA. Penyelidik memperuntukkan masa sebanyak 15 hingga 30 minit selama 13 minggu semasa program intervensi dijalankan. Penggunaan kata-kata pujian dan galakan diberikan kepada kanak-kanak di sepanjang aktiviti dijalankan.

Mengikut Katz (1995:109), apa yang perlu dan bagaimana cara yang terbaik untuk kanak-kanak belajar adalah bergantung kepada pengetahuan guru tentang perkembangan kanak-kanak, kefahaman tentang pengalaman awal dan perkembangan seterusnya. Ransom dan Manning (2013) menegaskan bahawa guru kelas adalah pakar sebenar dalam menyediakan lembaran kerja dan ABM perlu mengikut budaya tempatan (Edwards & Stern, 1969; Karnes et al., 1983; Stipek et al., 1998). Berdasarkan pengalaman penyelidik sebagai guru prasekolah di daerah Tuaran, perbincangan dengan pakar pendidikan awal kanak-kanak dan guru-guru prasekolah yang berpengalaman, penyelidik percaya bahawa bahan pengajaran yang dibina adalah merupakan aktiviti terbaik. Rujukan yang pelbagai adalah penting untuk memastikan kaedah mengajar yang dipilih memenuhi kriteria yang ditakrifkan dalam kajian ini.

Alat Pengukuran

Kajian ini menggunakan UPMA sebagai instrumen untuk mengumpul data yang digunakan dalam kajian ini. Cates (1990) mendefinisikan instrumen kajian sebagai alat yang digunakan untuk mengumpul data kajian berkaitan responden. Penyelidik telah membina dua set instrumen pencapaian matematik awal kanak-kanak prasekolah yang diadaptasikan daripada *Test of Early Mathematics Ability* (TEMA) (Ginsburg & Baroody, 2003) berdasarkan KSPK. Instrumen ini merupakan ujian pra dan ujian pasca yang digunakan untuk membandingkan kesan daripada ketiga-tiga kaedah mengajar. Data-data penyelidikan diperolehi melalui kaedah temu bual dan pemerhatian tulisan kanak-kanak yang seterusnya diterjemahkan kepada data kuantitatif.

Hasil Kajian

Tahap Pencapaian Matematik Awal

Jadual 1 memaparkan maklumat pencapaian matematik awal kanak-kanak prasekolah dalam kajian ini. Tiga tahap pencapaian iaitu di bawah purata, purata dan atas purata. Min skor pada tahap bawah purata berada dalam lingkungan 0-60, min skor pada tahap purata berada dalam lingkungan 60-80 dan min skor pada tahap atas purata berada dalam lingkungan 80-100. Skor min kanak-kanak dalam kajian ini ialah 68.07 dengan sisihan piawai 21.44. Ini menunjukkan pencapaian matematik awal kanak-kanak dalam kajian ini selepas program intervensi dijalankan berada pada tahap purata.

Jadual 1: Statistik deskriptif pencapaian matematik awal kanak-kanak prasekolah

Pemboleh ubah	Bilangan	Min	Sisihan piawai
Pencapaian matematik awal	1108	68.07	21.44

Adakah Terdapat Perbezaan Dalam Pencapaian Matematik Awal Antara Kanak-kanak Prasekolah Yang Mengikuti Kaedah Permainan, Buku Nombor dan Lembaran Kerja?

Ho1 Tidak terdapat perbezaan dalam pencapaian matematik awal antara kanak-kanak prasekolah yang mengikuti kaedah permainan, buku nombor dan lembaran kerja.

Jadual 2 memaparkan keputusan statistik deskriptif bagi H₀1. Keputusan statistik deskriptif menunjukkan nilai min pencapaian matematik awal bagi kaedah permainan mengatasi kedua-dua kaedah mengajar yang lain (min pencapaian matematik awal: kaedah permainan = 73.04, buku nombor = 64.34, lembaran kerja = 66.49).

Jadual 2 : Statistik deskriptif bagi H₀1

Kaedah mengajar	Bilangan	Min	Sisihan piawai
Permainan	382	73.04	21.39
Buku Nombor	349	64.34	20.47
Lembaran Kerja	377	66.49	21.47
Jumlah	1108	68.07	21.44

Dependent Variable: UPASCA

Jadual 3 memaparkan keputusan Levene's Test of Equality of Error Variances^a untuk H₀1. Ujian Levene menguji hipotesis bahawa ralat varians pemboleh ubah bersandar bagi setiap kumpulan dalam pemboleh ubah tidak bersandar adalah sama. Keputusan ujian Levene bagi H₀8, iaitu [F (2, 1105)=.14, p>.05].

Jadual 3: Levene's Test of Equality of Error Variances^a bagi H₀1

F	df1	df2	Sig.
.14	2	1105	.87

Dependent Variable: UPASCA

Tests the null hypothesis that the error variance of the dependent variable is equal across groups.

a. Design: Intercept + Kaedah mengajar

Jadual 4 memaparkan keputusan *tests of between-subjects effects* bagi H₀1. Keputusan ujian ANOVA sehala menunjukkan bahawa secara keseluruhan perbezaan pencapaian matematik awal antara ketiga-tiga kumpulan kaedah mengajar adalah signifikan [F (2, 1105)=17.04, p<.05]. Berdasarkan keputusan ini, hipotesis nul ditolak.

Jadual 4: Tests of Between-Subjects Effects bagi H₀8

Source	Type III Sum of Squares	Df	Mean Square	F	Sig.
Corrected Model	15222.71 ^a	2	7611.35	17.04	.00
Intercept	5108397.55	1	5108397.55	11437.52	.00
Kaedah mengajar	15222.71	2	7611.35	17.04	.00
Error	493531.58	1105	446.64		
Total	5642487.50	1108			
Corrected Total	508754.29	1107			

Dependent Variable: UPASCA

a. R Squared = .030 (Adjusted R Squared = .028)

Jadual 5 memaparkan *Pairwise Comparisons* bagi H₀₈. Keputusan perbandingan pasangan (*Pairwise Comparisons*) dengan mengawal ralat jenis 1 menggunakan kaedah Bonferroni. Ini menunjukkan bahawa nilai min pencapaian matematik awal bagi kaedah mengajar bagi pasangan min kaedah permainan dan buku nombor (perbezaan min=8.70, p<.05) adalah berbeza secara signifikan. Nilai min pencapaian matematik awal bagi kaedah mengajar bagi pasangan min kaedah permainan dan lembaran kerja (perbezaan min=6.55, p<.05) adalah berbeza secara signifikan. Nilai min pencapaian matematik awal bagi kaedah mengajar bagi pasangan min kaedah buku nombor dan lembaran kerja (perbezaan min=-2.14, p>.05) adalah tidak berbeza secara signifikan. Ini bermakna bahawa perbezaan secara keseluruhan pencapaian matematik awal adalah disebabkan oleh perbezaan antara pasangan kaedah permainan dan buku nombor, dan kaedah permainan dan lembaran kerja.

Jadual 5: *Pairwise Comparisons* bagi H₀₁

(I) Kaedah mengajar	(J) Kaedah mengajar	Mean Difference (I-J)	Std. Error	Sig. ^b
Permainan	Buku Nombor	8.70*	1.57	.00
	Lembaran Kerja	6.55*	1.53	.00
Buku Nombor	Permainan	-8.70*	1.57	.00
	Lembaran Kerja	-2.14	1.57	.52
Lembaran Kerja	Permainan	-6.55*	1.53	.00
	Buku Nombor	2.14	1.57	.52

Dependent Variable: UPASCA

Based on estimated marginal means

*. The mean difference is significant at the .05 level.

b. Adjustment for multiple comparisons: Bonferroni.

